

Rukun Negara makin utuh atau makin luntur?

Um - 2/9/2020 m/s: 22

lihat bagaimana reaksi warga maya apabila sesuatu isu yang tidak kena dengan selera mereka dibangkitkan lalu mereka memaki hamun dan menghina raja dan sultan?

Tidak kurang juga ada individu yang memburuk-burukkan serta berbohong tentang Malaysia di luar negara tetapi tetap diberikan jawatan dalam kerajaan.

Apabila timbul isu pertikaian Pulau Spratly di antara Malaysia, Filipina, Taiwan, Brunei dan China, ada sebahagian rakyat Malaysia yang menyokong tindakan pihak luar menceroob dan menuntut hak ke atas Pulau Spratly!

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

Jelas Perkara 3 (1) Perlembagaan memperuntukkan bahawa: "Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan." Adapun Perkara 11 (4) Perlembagaan memperuntukkan: "Undang-undang Negeri dan mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa iktikad atau kepercayaan agama antara orang-orang yang menganuti agama Islam."

Walaupun Perlembagaan negara jelas mengatakan Islam adalah agama Persekutuan dan agama lain boleh diamalkan tetapi tidak boleh disebar kepada orang Islam, aktiviti propaganda kepercayaan lain kepada orang Islam di Malaysia semakin agresif dan tidak takut kepada undang-undang negara!

Bagaimana gerakan luar termasuk dari Korea Selatan menggunakan platform kebajikan, kepimpinan dan isu wanita lalu mempropagandakan agama versi masing-masing di perkampungan Orang Asli dan juga institusi pendidikan di seluruh Malaysia!

Di dalam buku yang ditulis oleh Ng Kam Weng dan diterbitkan oleh Kairos Research Centre pada halaman ke 10 mengatakan: *...every person has the right to profess, practice and propagate his religion without fear of discrimination or recrimination.*

Tafsiran penulis buku itu jelas bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan iaitu mengizinkan agama lain disebar kepada orang Islam!

Bandingkan apa yang ditulis Ng Kam Weng dengan sebuah lagi buku yang diterbitkan pada Julai 1992 di halaman 189: *...there is also a struggle for greater religious freedom in terms of worship, propagation*

of the Gospel and even social service to people of other faiths, especially the Muslims.

Ini belum termasuk penyebaran pluralisme yakni semua agama adalah sama menerusi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang didalangi dan disokong oleh organisasi luar negara!

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

Rumah ibadat dibina di atas tanah milik kerajaan dan milik individu. Apabila pemilik ingin mengambil semula, mereka protes dan berdemonstrasi menuntut pampasan yang turut disokong ahli politik.

Terbaru apabila kerajaan ingin mengambil semula tanah yang ditanam pokok durian di atas tanah milik kerajaan yang telah diceroob berpuluh tahun. Sekali lagi mereka memprotes dan berdemonstrasi serta mendapat sokongan ahli politik yang sepatutnya mendaulatkan undang-undang.

Apakah mesej yang ingin kita sampaikan kepada generasi akan datang sebenarnya dengan ahli politik melindungi dan menyokong mereka yang melanggar undang-undang? Adakah itu cara kita mengamalkan rukun negara dan apakah itu cara kita mendaulatkan undang-

undang dengan melanggarnya kemudian menyokong serta bersimpati dengan mereka yang melanggarnya?

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

Rakyat Malaysia terkenal dengan adab ketimuran sehingga mendapat pujian pelancong yang melawat Malaysia. Namun adab ketimuran ini semakin terhakis apabila kita melihat bagaimana masyarakat berkomunikasi.

Lihat apakah bentuk drama dan filem yang dihasilkan dengan adegan ranjang dilakonkan bukan mahram dan adegan separuh bogel. Adegan lelaki berlakon menjadi wanita dan wanita melakonkan watak lelaki.

Lihat pula bahasa yang digunakan ahli parlimen kita di Dewan Rakyat. Menjerit, mencarut, menggunakan perkataan kasar menjadi santapan biasa. Bukankah kesopanan dan kesusilaan itu perlu dimulakan pembuat dasar baik dari kerajaan mahupun pembangkang?

Saya amat menyokong seruan Yang di-Pertuan Agong agar Rukun Negara bukan sekadar dijulung tetapi perlu dihayati dan diamalkan. Cuma yang menjadi persoalan, apakah setelah 63 tahun merdeka, Rukun Negara semakin utuh atau semakin luntur?